

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JHG 345 - Geomorfologi

Masa : [3 jam]

Jawab mana-mana EMPAT (4) soalan. Sertakan juga ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi setiap soalan yang berkenaan. Tiap-tiap soalan menyumbangkan markah yang sama iaitu 25 markah.

... 2/-

1. Bincangkan sumbangan ide-ide W.M. Davis kepada geomorfologi moden dengan merujuk kepada beberapa teori berkenaan dengan perkembangan pandang darat.
(25 markah)
2. "Proses-proses masa kini adalah tidak mencukupi untuk menghuraikan ciri-ciri geomorfologi di kawasan-kawasan pantai." Nilaiikan kebenaran kenyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang tertentu.
(25 markah)
3. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang tertentu, bincangkan sejauh manakah perbezaan-perbezaan antara berbagai pandang darat geomorfologi adalah akibat dari pembezaan reruang terhadap iklim.
(25 markah)
4. Bincangkan bagaimanakah tekstur dan jenis-jenis batuan di sesuatu kawasan itu boleh dikenali dengan berpandukan ketumpatan salirannya. Perbincangan anda mestilah disertai dengan contoh-contoh yang tertentu.
(25 markah)
5. Huraikan beberapa proses cerun di dalam perkembangan bentuk dan profail cerun di kawasan tropika lembab.
(25 markah)
6. "Letusan gunung berapi biasanya menghasilkan pelbagai bentuk pandang darat geomorfologi." Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.
(25 markah)

- ooo0ooo -